



جابتن كحاكيمان شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (46)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2019

Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak seperti yang berikut:

1. tertakluk kepada pertimbangan Mahkamah, pentaksiran jumlah nafkah anak adalah berasaskan kepada nafkah bulanan bagi seorang atau lebih bilangan anak. Sekiranya bilangan anak lebih, kadar akan meningkat bergantung kepada jumlah pendapatan bapa atau suami;
2. penentuan kadar nafkah tertakluk kepada keperluan asas anak-anak yang merangkumi keperluan tempat tinggal, pakaian, makan minum, perubatan, pendidikan, umur dan jumlah pendapatan bapa sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah; dan

3. cadangan ilustrasi pentaksiran jumlah nafkah adalah sebagaimana berikut:

Bil. Anak	Kadar (%)	(RM) 1000	(RM) 1500	(RM) 2000	(RM) 2500	(RM) 3000	(RM) 3500	(RM) 4000	(RM) 4500	(RM) 5000
1	23%	230	345	460	575	690	805	920	1035	1150
2	33%	330	495	660	825	990	1155	1320	1485	1650
3	40%	400	600	800	1000	1200	1400	1600	1800	2000
4 dan ke atas	53%	530	795	1060	1325	1590	1855	2120	2385	2650

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA